



## **PERBADANAN LABUAN**

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087-408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803

Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **LAWATAN MESRA RAKYAT YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN KE BAZAR RAMADAN KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA LABUAN**

**WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, 3 Jun 2017** – Menteri Wilayah Persekutuan melakukan lawatan mesra rakyat ke Bazar Ramadan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa (KLSA) sempena lawatan kerja ke Wilayah Persekutuan Labuan hari ini. Lawatan Menteri Wilayah Persekutuan ke Bazar Ramadan KLSA diiringi oleh Ahli Parlimen Labuan, Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.

Pada tahun ini, sejumlah 183 gerai bazar ramadan di bawah seliaan Perbadanan Labuan (PL) yang mana 148 lot di KLSA dan 35 lot di Anjung Selera Durian Tunjong, Kampung Tanjung Aru dengan bayaran sewa RM215 sebulan. Pemilihan lokasi bazar ramadan di KLSA juga dapat memberi keselesaan kepada para pengunjung dengan kemudahan parkir yang banyak, ruang untuk membeli yang selesa serta menyediakan pelbagai juadah tempatan dengan harga yang berpatutan. Di samping itu, dengan adanya bazar ramadan ini turut memberi peluang kepada warga Labuan menjana pendapatan tambahan sempena bulan Ramadan Al-Mubarak.

#### **Disediakan oleh:**

Jabatan Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Labuan

3 Jun 2017